

D.R. 23/2005

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan 2006.

Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi lapan puluh satu bilion satu ratus dua puluh juta lima puluh tujuh ribu tujuh ratus tiga puluh ringgit (RM81,120,057,730) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 adalah dengan ini dibenarkan, dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual,

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 1	Parlimen	58,992,100
B. 2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	1,886,600
B. 3	Jabatan Audit	87,430,000
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	30,759,100
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	33,636,000
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	2,258,556,400
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	1,091,383,700
B. 8	Jabatan Peguam Negara	79,728,500
B. 9	Badan Pencegah Rasuah	99,058,400
B. 10	Perbendaharaan	1,870,177,800
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	17,462,000,000
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,392,600,030
B. 13	Kementerian Luar Negeri	451,900,000
B. 20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	135,326,900
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	1,550,315,200
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	686,084,900
B. 23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	698,667,800
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	310,000,000
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	213,761,000
B. 26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	1,621,603,700
B. 27	Kementerian Kerja Raya	1,406,113,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	808,120,000
B. 29	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi	66,786,000
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	510,246,000
B. 31	Kementerian Pelancongan	532,853,900
B. 32	Kementerian Wilayah Persekutuan	192,398,200

Perbekalan

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B 40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	11,555,000
B 41	Kementerian Pelajaran	17,542,945,200
B 42	Kementerian Kesihatan	7,369,430,000
B 43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	840,617,000
B 44	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	309,365,000
B 45	Kementerian Belia dan Sukan	276,289,200
B 46	Kementerian Sumber Manusia	413,760,400
B 47	Kementerian Penerangan	883,630,400
B 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	463,735,000
B 49	Kementerian Pengajian Tinggi	5,615,118,900
B 60	Kementerian Pertahanan	7,622,902,000
B 61	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	926,679,800
B 62	Kementerian Keselamatan Dalam Negeri	4,193,844,600
	JUMLAH	81,120,057,730

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak lapan puluh satu bilion satu ratus dua puluh juta lima puluh tujuh ribu tujuh ratus tiga puluh ringgit (RM81,120,057,730) untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 dan supaya jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

[PN(U²)2166]